



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**CAWANGAN TAWAU**  
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN  
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750  
Faks : 089-773 688  
Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-tawau>

Ruj.Kami : JANM.TAW.600-1Jld.3(86)

Tarikh : 24 Mac 2023

Ketua Jabatan  
Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pusat Pembayar Gaji  
Daerah Tawau, Kunak, Semporna, Lahad Datu.

Tuan/Puan,

### **PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan **JPA.800-3/2/4(24) bertarikh 23 Mac 2023** adalah berkaitan.

- Untuk makluman tuan/puan, Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri tahun 2023 akan dibayar sebanyak RM700.00 secara *one-off* kepada pegawai tetap dan pegawai lantikan kontrak yang layak seperti dalam **Surat JPA para 3** seperti di atas.
- Bersama-sama ini dilampirkan Surat JPA, soalan lazim (BKKA 2023) dan data *excel* senarai pegawai yang layak menerima Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023 untuk semakan dan pengesahan Ketua Jabatan.
- Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan perlu menyemak dengan teliti bagi memastikan tiada kecaciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang layak dan pengesahan ke atas senarai tersebut. Sila kembalikan lampiran *softcopy* dan *hardcopy* yang telah disahkan Ketua Jabatan bersama surat iringan Jabatan tuan/puan ke alamat emel [gaji\\_taw@anm.gov.my](mailto:gaji_taw@anm.gov.my) sebelum atau pada **28 Mac 2023 (Selasa)** untuk tindakan pejabat ini selanjutnya.
- Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan untuk mematuhi tarikh yang telah ditetapkan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)**  
Pegarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Cawangan Tawau.